

06/07/1999

Kyrgyz contohi Malaysia

PUTRAJAYA, Isnin - Kerajaan Republik Kyrgyz mengambil langkah melaksanakan pembaharuan dalam sektor ekonominya berasaskan acuan Malaysia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, pembaharuan sektor ekonomi republik itu yang mendapat kemerdekaan selepas kejatuhan Soviet Union pada 1991, berdasarkan kajian serta laporan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri.

"Laporan ini dikemukakan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada presiden republik itu semasa lawatannya ke sana dua tiga tahun lalu. Berdasarkan laporan itu, pembaharuan ekonomi Kyrgyz sedang dilaksanakan secara berperingkat.

"Laporan itu menepati keperluan sektor-sektor ekonomi di sana. Pelaksanaannya terserah kepada mereka ... lagipun mereka turut menghadapi masalah ekonomi seperti kita," katanya selepas menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Republik Kyrgyz, Esengul Omuraliev, yang juga Menteri Perdagangan Luar dan Industri, di pejabatnya di sini hari ini.

Abdullah berkata, laporan itu disediakan hasil lawatan rombongan EPU yang membuat kajian dan penelitian aspek pembangunan di negara berkenaan sebelum itu.

Beliau berkata, Omuraliev turut meminta kerjasama Malaysia dari segi ekonomi dan berharap pelaburan negara ini di republik itu dapat dipertingkatkan.

"Omuraliev juga gembira kerana sudah ada persetujuan mengelak pembayaran cukai dua kali antara kedua-dua negara," katanya.

Difahamkan, antara syarikat Malaysia yang beroperasi di Kyrgyz ialah Malaysian Mining Corporation (MMC) dan Bussiness Fokus.

Omuraliev juga meminta sokongan beliau meminta Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan penerbangan terus ke ibu negara republik itu, Bishkek.

(END)